

PM dukacita

BM - 8 NOV 1992

KUALA LUMPUR: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dukacita kejadian pertikaman lidah di antara Ketua Umno Batu, Datuk Azman Attar Othman dengan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, ketika berucap pagi semalam.

"Saya dukacita kerana walaupun kita tidak suka kepada peraturan yang dibuat oleh Pengerusi Tetap, kita harus menghormatinya.

"Kalau tidak ada sistem yang menghormati pengerusi, maka kita tidak boleh bermesyuarat. Terpujang kepada ahli dan orang ramai untuk menentukan sama ada perbuatan itu mencemar tradisi atau tidak.

"Memang dalam perhimpunan sering ada insiden macam ini, malah ada yang panggil Majlis Tertinggi 'bloody fool,' katanya.

Dalam kejadian itu, wakil Wilayah Persekutuan itu 'menghina' Pengerusi Tetap, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, ketika membahaskan usul terima kasih ucapan presiden parti.

Azman Attar bukan saja tidak mengendahkan beberapa teguran Sulaiman supaya meniatuhi tempoh ucapan, malah memberi gambaran seolah-olah Pengerusi Tetap Umno itu pengecut.

"Saya memang dendam dengan Pengerusi Tetap. Tahun lalu dia duduk di belakang kerana pada masa itu saya memperkatakan mengenai raja-raja. Beliau bercakap sekarang kerana nak menyelamatkan dirinya," katanya.

Sebelum itu, suasana keriangian Dewan Merdeka bertukar tegang apabila Azman Attar mengarah Timbalan Ketua Perhubungan Kelantan, Datuk Annuar Musa bersalam dengan Ketua Penerangan Umno, Datuk Hussein Ahmad bagi membuktikan mereka ti-

dak bermusuhan.

"Jurugambar ambil gambar dan tunjukkan kepada Pas dan Semangat 46 bahawa pemimpin dalam Umno tidak berselisih seperti yang mereka dakwa," katanya sambil mengarahkan jurugambar di depan pentas.

Annuar kemudian mendapat tepukan perwakilan apabila beliau mencium tangan Hussein.

Bagaimanapun, apabila Azman Attar meminta Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak berbuat demikian dengan Timbalan Presiden, Ghafar Baba kerana konon dua pemimpi itu tidak sefahaman, "mod" perwakilan berubah.

Ketika itu Sulaiman sekali lagi mengingatkan Azman Attar bahawa tempoh 15 minit yang diperuntukkan kepadanya berucap sudah lama tamat tetapi tidak dihiraukan oleh wakil Wilayah Persekutuan itu.

Azman Attar kemudian mengecam Sulaiman dengan mengatakan dia memang berdendam dengan Pengerusi Tetap itu.

Sulaiman yang kelihatan tercengang dengan reaksi Azman Attar itu menjawab: "Mengikot peraturan dewan, apabila Pengerusi bercakap, perwakilan diminta diam. Tidak ada sesiapa dibenarkan mengarah orang lain terutama Ahli Majlis Tertinggi Umno untuk bersalaman ketika perhimpunan dijalankan."

Dalam ucapannya, Azman Attar juga mengkritik hampir semua pemimpin Umno yang disifatkannya turut bertanggungjawab dalam pergolakan Umno, termasuk mengedar surat layang.

Beliau juga membidas kalangan Umno yang menuduh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Sanusi Junid, terbabit dalam penyebaran surat layang yang memburuk-burukkan pucuk pimpinan.

pertikaman lidah